


# 7H5M UZBEKISTAN 3 KOTA

TASHKENT - BUKHARA - GIJDUVAN - SAMARKAND - CHIMGAN MOUNTAIN



**SIAB BAZAAR YANG TERKENAL DENGAN PELBAGAI JENIS KACANG DAN BUAH-BUAHAN KERING YANG TERLETAK BERHAMPIRAN DENGAN BIBI-KHANYM MOSQUE INI.**

# 7H5M UZBEKISTAN 3 KOTA

Tashkent - Bukhara - Gijduvan - Samarkand - Chimgan Mountain



## HARI 01 KUALA LUMPUR - TASHKENT

MM

Berkumpul di KLIA untuk menaiki penerbangan terus ke Tashkent. Bermalam di **Tashkent**.

## HARI 02 TASHKENT - BUKHARA

SP/MT/MM

Menaiki kereta api dari Tashkent ke Bukhara. Melawat sekitar kawasan Bukhara. Bermalam di **Bukhara**.

## HARI 03 BUKHARA

SP/MT/MM

Lawatan di **Bukhara**:

- **Ark of Bukhara**: Kota pertahanan dan kediaman rasmi diraja yang masyhur di dalam Laluan Sutera yang dibina sejak abad ke-4 lagi oleh Putera Parsi Siyavusha dan di dalamnya terdapat istana, pasar, muzium dan **Arslan Khan Mosque** yang dibina pada 1119.
- Menziarahi kompleks makam diraja **Samanid Mausoleum** yang dibina seawal kurun ke 10 dan juga **Chashma Nabi Ayub** yang dibina pada abad ke-12 untuk melindungi telaga Nabi Ayub di dalamnya.
- Menziarahi **Bolo Haouz Mosque** yang dibina sebegitu indah pada tahun 1712.
- **Lyabi-Khauz Ensemble**: Merupakan sebuah kawasan yang terdiri dari 3 buah bangunan utama iaitu **Kukeldash Madrasah** dibina pada 1568, **Nadir Divan-Begi Madrasah** pada 1619 dan **Nadir Divan-Begi Khanqah** (yang merupakan tempat perkumpulan ahli sufi) pada 1622.
- **Poi Kalan Complex**: Sebuah dataran ikonik dan bersejarah di kota ini kerana dibina sejak tahun 1121 lagi, yang menempatkan 3 buah bahagian utama iaitu Kalan Mosque, Kalan Minaret dan Miri Arab Madrasah.
- Masa bebas untuk membeli-belah di sekitar kawasan **Old Town Bukhara**.

Bermalam di **Bukhara**.

## HARI 04 BUKHARA - GIJDUVAN - SAMARKAND

SP/MT/MM

Lawatan di **Gijduvan**:

- **Bahouddin Architectural Complex**: Kompleks ini pada mulanya dibina selepas kematian Bahouddin Naqshband dan menjadi tempat ziarah selama bertahun-tahun. Nama penuh Bahouddin Naqshband ialah ibn Burhoniddin Muhammad al-Bukhori, dan beliau tinggal dari tahun 1318 hingga 1389. Beliau juga dikenali dengan gelaran seperti "Shohi Naqshband" dan "Xojayi Buzruk." Beliau juga diiktiraf sebagai ahli Sufi ke-7.
- **Gijduvan Village**: melihat pembuatan barang seramik Gijduvan yang cukup terkenal dengan ukiran bentuk geometri berwarna hijau dan biru. Di sini juga tetamu berpeluang mencuba sendiri membuat barangan seramik.

Bermalam di **Samarkand**.

## HARI 05 SAMARKAND - TASHKENT

SP/MT/MM

Lawatan di **Samarkand**:

- **Registan Square**: Merupakan dataran yang paling ikonik mewakili negara ini dan kawasan terpenting bagi kota kuno Samarkand yang berusia sama tua dengan kota Rome dan Babylon. Dataran ini menempatkan 3 buah bangunan iaitu **Ulugh Beg Madrasah** yang dibina pada 1417, **Sher-Dor Madrasah** yang dibina pada 1619 dan **Tilya-Kori Madrasah** pada tahun 1646, selain di sini terdapat juga **Mausoleum of Shaybanids**.
- **Shah-i-Zinda Ensemble**: Sebuah kota yang merangkumi kediaman, pemakaman dan masjid untuk keluarga diraja Dinasti Timurid yang dibina sedari abad ke-11 lagi. Makam pertama yang terdapat di sini dikatakan milik saudara Rasulullah SAW, Kusam ibn Abbas yang datang ke kota ini pada abad ke-7 bagi menyebarkan agama Islam.
- Menziarahi **Bibi-Khanym Mosque** yang dianggap sebagai khazanah terpenting di Samarkand dan salah satu masjid yang tercantik di dunia yang dibina pada 1404.
- Masa bebas untuk membeli-belah di **Siab Bazaar** yang terkenal dengan pelbagai jenis kacang dan buah-buahan kering yang terletak berhampiran dengan **Bibi-Khanym Mosque** ini.
- **Kompleks Imam al-Bukhari** menjadi pusat ziarah utama Islam dan simbol penghormatan kepada beliau, dianggap sebagai salah satu tempat suci penting di Asia tengah.

Menaiki keretapi dari Samarkand ke Tashkent.

Lawatan di **Tashkent**:

- Bersiar-siar sekitar **Tashkent City Park** pada waktu malam untuk menikmati pertunjukan fountain show, LED show Hotel Hilton dan berfoto di taman yang penuh dengan tarikan lampu-lampu.

Bermalam di **Tashkent**.

## HARI 06 TASHKENT - CHIMGAN MOUNTAINS - KUALA LUMPUR

SP/MT

Lawatan di **Chimgan Mountain**:

- Menikmati pemandangan panorama dan berfoto kawasan pergunungan bertasik **Chimgan Mountain** yang cukup indah dan paling terkenal di sini.
- Menaiki cable car menuju ke puncak **Beldersay Peak** yang setinggi 3309m dan berfoto di sekitar kawasan tasik **Charvak Lake** yang terbentuk dari Chirchiq River.

Lawatan di **Tashkent**:

- Berfoto dan bersiar-siar di **Independence Square** yang dibina sebagai simbol kemerdekaan Uzbekistan, di mana di dataran ini terdapat beberapa monumen seperti **Independence Monument**, **Happy Mother Monument** dan lain-lain.
- **Amir Timur Square**: Dataran yang dibina pada 1882 dan di tengahnya terdapat tugu pemerintah agung Timur dan berdekatan sini juga terletaknya **Amir Timur Museum** yang dibina pada 1996.

Menaiki penerbangan pulang ke Kuala Lumpur.

## HARI 07 KUALA LUMPUR

Tiba di lapangan terbang KLIA.

## PERTUKARAN MATA WANG



UZBEKISTANI SOM  
UZS 1000 = RM 0.30



## PERBEZAAN WAKTU

Uzbekistan: GMT-3 Malaysia: GMT+8



### Musim Panas:

Jun - Ogos



### Musim Luruh:

Sept - Oktober



### Musim Sejuk:

Disember - Feb



### Musim Bunga:

Mac - Mei



# TOUR HIGHLIGHTS

1.



## ARK OF BUKHARA

Kota pertahanan dan kediaman rasmi diraja yang masyhur di dalam Laluan Sutera yang dibina sejak abad ke-4 lagi oleh Putera Parsi Siyavusha dan di dalamnya terdapat istana, pasar, muzium dan Arslan Khan Mosque yang dibina pada 1119.

2.



## BAHOUTDIN ARCHITECTURAL COMPLEX

Kompleks suci kira-kira 12 km dari bandar, didedikasikan kepada Bahoutdin Naqshbandi, pengasas Tariqat Naqshbandi. Mengandungi makam, masjid, madrasah dan taman tenang – pusat ziarah utama serta warisan sufi terkenal di Uzbekistan.

3.



## CHIMGAN MOUNTAIN

Terletak 80 km dari Tashkent, digelar "Switzerland of Uzbekistan". Popular dengan hiking, paragliding, ski, dan pemandangan gunung bersalji – destinasi utama rekreasi dan sukan lasak.

4.



## KOMPLEKS IMAM AL-BUKHARI

Kompleks Imam al-Bukhari menjadi pusat ziarah utama Islam dan simbol penghormatan kepada beliau, dianggap sebagai salah satu tempat suci penting di Asia tengah.

## Hotel Penginapan 3\* Hotel

BANDAR	BIL. MALAM
Tashkent	2 Mlm
Samarkand	1 Mlm
Bukhara	2 Mlm

## Jadual Penerbangan



HARI	PESAWAT	SEKTOR	ETD	ETA
1	D7 122	KUL - TAS	1325	1815
6	D7 123	TAS - KUL	1955	0635+1

## Harga Pakej Termasuk

- Tiket penerbangan kelas ekonomi termasuk surcaj minyak dan cukai penerbangan.
- Tiket keretapi Tashkent-Bukhara.
- Tiket keretapi Samarkand - Tashkent.
- Pass menaiki cable car di Chimgan Mountains.
- Penginapan hotel bertaraf 3\* sepanjang lawatan termasuk cukai bandar (city taxes).
- Sarapan pagi di hotel, makan tengahari dan makan malam sepanjang lawatan mengikut aturcara.
- Tiket masuk ke tempat lawatan seperti aturcara.
- Pengangkutan bas persiaran berhawa dingin yang selesa.
- Perkhidmatan ketua rombongan dan pemandu pelancong yang professional.
- Tip pemandu pelancong dan pemandu bas persiaran.

## Harga Pakej Tak Termasuk

- Surcaj tambahan ketika waktu perayaan, puncak dan cuti sekolah.
- Servis tambahan di hotel seperti snek, mini bar, dobi dan porter.
- Makan minum, tiket masuk lawatan dan tempat lawatan selain dari yang dinyatakan.
- Bayaran tambahan lebihan had bagasi penerbangan.
- Perkara lain selain dari yang dinyatakan di dalam aturcara dan pakej termasuk.